

Beritahu seseorang
tentang Yesus.

“AKU AKAN PERGI...”

Bersaksi adalah satu cara yang istimewa untuk kita berkongsi kasih Yesus kepada orang lain. Ia tentang memberitahu orang apa yang telah Tuhan lakukan kepada kita dan menunjukkan kasih-Nya melalui tindakan kita. Anggaplah ia seperti menjadi seorang utusan bagi Yesus yang memberitakan khabar baik ke mana sahaja anda pergi! Sama seperti bagaimana anda berasa teruja untuk memberitahu sahabat-sahabat anda permainan yang menyeronokkan atau aktiviti kegemaran anda, bersaksi adalah berkongsi cerita yang menakjubkan tentang Yesus dan bagaimana Dia mengubah kehidupan kita.

Kadang-kadang, bersaksi bermaksud berke-lakuan baik dan membantu seseorang yang memerlukan. Pada waktu lain, menjadi cukup berani untuk berbicara tentang Yesus, walaupun anda berasa takut. Tidak kira bagaimana anda melakukannya, Tuhan boleh menggunakan kata-kata dan tindakan anda untuk menyentuh hati orang lain. Alkitab dipenuhi dengan cerita mereka yang telah melihat kasih dan kuasa Tuhan. Mereka bukanlah orang yang sempurna, tetapi mereka mempercayai Tuhan dan membawa perbezaan dalam kehidupan orang lain.

Pada sepanjang minggu hadapan, kita akan melihat tujuh contoh kesaksian daripada kehidupan karakter-karakter Alkitab. Setiap cerita adalah suatu peringatan bahawa tidak kira berapa usia anda, anda boleh mengongsikan kasih Tuhan dan memberikan impak dalam kehidupan seseorang!

Beth Thomas

ILUSTRASI OLEH MUGI KINOSHITA



SAKSI KASIH KURNIA

Zakheus bertemu dengan Yesus.

Ayat Dasar: Lukas 19:1-10, AVB.

Zakheus adalah seorang pemungut cukai di kota Yerikho. Pemungut cukai tidak disukai kerana mereka memungut wang untuk kerajaan Rom dan kadang-kadang mereka mengambil lebih daripada yang seharusnya, menyimpan yang selebihnya untuk diri mereka sendiri. Zakheus tidak terkecuali. Walaupun dia sangat kaya, dia tidak mempunyai ramai sahabat. Orang melihat dia sebagai seorang yang tamak dan tidak jujur.

Suatu hari Zakheus mendengar satu berita yang mengujakan: Yesus, guru yang terkenal dan pelaku mukjizat, datang ke Yerikho! Orang ramai berkumpul untuk melihat Yesus. Zakheus juga mahu melihat Dia, tetapi ada satu masalah. Dia sangat pendek dan kumpulan orang yang ramai itu menghalang pandangannya. Tidak kira betapa gigihnya dia berusaha, dia tidak dapat melihat di sebalik orang ramai yang berada di hadapannya.

Zakheus begitu bertekad mahu melihat Yesus. Dia tidak membiarkan tubuhnya yang kecil atau orang ramai menghentikan dia. Melihat di sekeliling, dia mendapati ada sebuah pokok ara dekat dengan jalan di mana Yesus akan lalu. Zakheus dengan cepat memanjat pokok itu. Dari kedudukannya itu, dia mempunyai pandangan yang jelas dan sempurna pada jalan yang berada di bawahnya.

Ketika Yesus berjalan melalui kota Yerikho, dia tiba pada tempat di mana Zakheus sedang duduk di atas pokok. Cukup mengejutkan semua orang, Yesus berhenti, mendongak ke atas dan memanggil, "Zakheus, turunlah dengan segera kerana pada hari ini Aku harus menumpang ke rumahmu." Zakheus tidak percaya dengan apa yang didengarnya! Di antara semua orang yang ada, Yesus melihat dia. Mengapa Yesus mahu meluangkan masa dengan seseorang seperti dia, seseorang yang semua orang mahu elakkan?

Dengan gembira Zakheus turun dari pokok dan dengan penuh semangat menyambut Yesus ke rumahnya. Tetapi tidak

semua orang berasa gembira dengan perkara ini. Orang-orang mula bersungut-sungut dan berbisik dengan berkata, "Mengapa Yesus meluangkan masa bersama dengan orang berdosa seperti Zakheus?"

Sewaktu kebersamaan mereka, Zakheus merasakan kebaikan dan kasih Yesus. Buat pertama kalinya, Zakheus benar-benar berasa dilihat dan dipedulikan. Kasih ini telah mengubah hatinya. Zakheus berdiri dan membuat janji yang menakjubkan: "Tuhan, sekarang ini juga aku hendak memberikan separuh hartaku kepada orang miskin, dan jika aku telah menipu sesiapa, aku akan membayarnya kembali empat kali ganda!"

Yesus tersenyum dan berkata, "Pada hari ini juga penyelamatan telah datang kepada seisi rumah ini kerana kamu juga seorang keturunan Abraham. Anak Manusia datang untuk mencari dan menyelamatkan orang yang hilang."

Bermula dari hari itu, kehidupan Zakheus telah berubah sepenuhnya. Dia bukan lagi seorang yang tamak dan keseorangan seperti dulu. Sebaliknya, dia menjadi orang yang bermurah hati dan mengasihi orang lain, menunjukkan betapa kasih Yesus telah mengubah dirinya.

Jadi, langkah pertama dalam bersaksi kepada orang lain adalah dengan mengingat betapa Yesus mengasihi anda. Apabila kita mengetahui dan merasakan kasih-Nya, ia memudahkan kita untuk mengongsikan kasih itu kepada orang lain. Fikirkan bagaimana Yesus melihat Zakheus walaupun mereka yang lain menghindari dia; dan bagaimana itu telah mengubah hidup Zakheus. Sama seperti Zakheus, kita boleh berkongsi dengan orang lain bagaimana Yesus telah membuat perbezaan di dalam hidup kita!



SESUATU UNTUK DIFIKIRKAN

Apakah yang boleh kita pelajari daripada cara Yesus memperlakukan Zakheus, tentang bagaimana kita harus memperlakukan orang lain?

SAKSI YANG DIPENUHI BELAS KASIHAN

Mengasahi sesama manusia seperti dirimu sendiri.

Ayat Dasar: Lukas 10:25-37, AVB.

Pada suatu hari, seorang lelaki menghampiri Yesus dengan satu soalan: “Guru, apakah yang harus aku buat untuk mewarisi hidup yang kekal?” Yesus menjawab dengan soalan yang lain: “Apakah yang tercatat dalam Taurat? Bagaimanakah kamu mentafsirnya?”

Lelaki itu menjawab, “Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan sepenuh hatimu, dengan sepenuh jiwamu, dengan sepenuh kekuatanmu dan dengan sepenuh fikiranmu serta mengasahi sesama manusia seperti dirimu sendiri.”

Yesus berkata, “Betullah jawapanmu. Berbuatlah demikian dan kamu akan hidup.”

Tetapi lelaki itu, yang mahu membela dirinya sendiri, bertanya, “Siapakah sesama manusia itu?”

Sebagai balasan, Yesus menceritakan sebuah cerita.

Seorang lelaki sedang dalam perjalanan dari Yerusalem ke Yerikho, satu perjalanan yang merbahaya kerana dia akan melalui kawasan yang berbatu dan terbiar, tempat di mana perompak sering bersembunyi. Sementara dia berjalan, sekumpulan penyamun menyeranginya. Mereka mengambil semua yang dia ada, memukul dia dengan teruk dan meninggalkan dia terbaring di atas jalan, cedera dan tidak dapat bergerak. Lelaki itu sangat memerlukan pertolongan.

Tidak lama kemudian, seorang imam datang melalui jalan itu. Imam itu bekerja di bait suci Tuhan, memimpin kebaktian dan mengajar orang tentang Tuhan. Sudah pasti dia akan membantu! Tetapi apabila dia melihat lelaki yang cedera itu, dia menyeberang ke seberang jalan dan bergegas pergi, berpura-pura tidak melihat dia. Mungkin dia takut kalau-kalau penyamun itu masih berada di kawasan berhampiran, atau mungkin dia tidak mahu tangannya menjadi kotor. Apa pun sebabnya, dia memilih untuk tidak berhenti.

Kemudian seorang dari suku bangsa Lewi datang. Orang Lewi juga bekerja di bait suci, membantu melakukan tugas-tugas yang penting. Sama seperti imam itu, anda pasti menjangka dia akan menawarkan pertolongan. Tetapi apabila dia melihat lelaki yang terbaring itu, dia juga menyeberang ke seberang jalan dan terus berjalan. Lelaki yang cedera itu kekal bersendirian dan tidak berdaya.

Akhirnya seorang dari bangsa Samaria datang. Orang Samaria dan Orang Yahudi tidak bergaul; malah, mereka sering mengelak di antara satu dengan yang lain sepenuhnya. Tiada siapa pun yang menjangka orang Samaria akan membantu orang Yahudi. Tetapi apabila orang Samaria melihat lelaki yang cedera itu, dia merasakan belas kasihan yang mendalam. Dia tidak memikirkan tentang perbezaan di antara mereka atau potensi bahaya. Sebaliknya, dia bertindak.



Orang Samaria itu datang kepada lelaki yang cedera itu dan dengan lembut membersihkan luka-lukanya dengan minyak dan air anggur, menggunakan apa yang dia ada untuk mencegah jangkitan. Kemudian dia mengoyakkan helaian kain untuk membalut luka lelaki itu. Selepas itu, dia mengangkat lelaki itu naik ke atas keldainya sendiri, berjalan disampingnya sementara mereka menuju ke sebuah rumah penginapan. Orang Samaria itu tinggal bersama dengan lelaki itu pada sepanjang malam, untuk menjaga dia.

Pada hari berikutnya, orang Samaria itu memberikan wang yang cukup kepada pemilik rumah penginapan untuk menampung perbelanjaan selama beberapa hari. Dia memberitahu pemilik itu, “Jagalah dia dan sekiranya wang ini tidak cukup untuknya, aku akan membayarnya apabila aku datang kembali.”

Setelah Yesus menghabiskan cerita itu, Dia bertanya kepada lelaki yang bertanyakan soalan kepada-Nya, “Antara tiga orang itu, siapakah pada pandangan kamu menjadi sesama manusia kepada orang yang dirompak oleh penyamun?”

Lelaki itu menjawab, “Orang yang menunjukkan belas kasihan kepadanya.”

Yesus berkata, “Pergi dan berbuatlah sedemikian.”

Orang Samaria yang baik itu tidak membiarkan ketakutan dan prejudis menghentikan dia daripada menolong seseorang yang memerlukan. Anda juga boleh menjadi seperti orang Samaria itu! Sama ada dengan berkongsi mainan anda, melibatkan seseorang yang berasa dipinggirkan atau memberikan kata-kata yang baik, perbuatan baik yang kecil boleh membawa perbezaan yang besar. Apabila anda membantu orang lain, anda memantulkan kasih Tuhan dan membawa terang-Nya ke dunia—dan itulah kesaksian!



SESUATU UNTUK DIFIKIRKAN

Siapakah “sesama manusia” di dalam hidup anda yang boleh anda bantu, walaupun mereka kelihatan berbeza daripada anda?

BERSINAR TERANG

Bersaksi melalui kebaikan.

Ayat Dasar: 2 Raja-raja 5:1-17, AVB.

Pada zaman dahulu, ada seorang gadis kecil yang tinggal di tanah Aram. Dia menjalani kehidupan yang sederhana dan aman damai bersama dengan keluarganya. Tetapi satu hari, sesuatu yang dahsyat telah berlaku. Tentera dari negara asing datang dan membawa dia bersama. Mereka membawa dia pergi ke tanah yang baru dan menyuruh dia bekerja sebagai pelayan kepada isteri seorang lelaki yang berkuasa bernama Naaman.

Naaman adalah seorang ketua tentera. Dia seorang lelaki yang kuat dan dihormati, tetapi dia mempunyai masalah yang serius: dia menghidap penyakit kusta, penyakit kulit yang menakutkan. Kulit Naaman dipenuhi luka dan tiada satu pun daripada usaha doktor yang dapat membantu dia untuk kembali sembuh. Isterinya berasa sangat bimbang. Begitu juga dengan semua orang di sekitarnya.

Walaupun gadis pelayan kecil itu berada jauh dari rumahnya, dia tidak melupakan Tuhan. Dia ingat cerita yang diceritakan oleh ibu bapanya tentang kasih dan kuasa Tuhan. Suatu hari, dia melihat betapa sedihnya isteri Naaman tentang keadaan penyakit suaminya.

“Aku mengenal seseorang yang boleh membantu dia,” kata pelayan kecil itu dengan tenang.

Isteri Naaman memandang kepadanya, terkejut. “Siapa?” dia bertanya.

“Ada seorang nabi di Israel bernama Elisa,” kata pelayan kecil itu. “Dia menyembah Tuhan yang benar dan saya tahu Dia boleh menyembuhkan Naaman.”

Isteri Naaman dengan segera memberitahu suaminya. Naaman tidak begitu pasti tetapi dia bersedia untuk mencuba apa sahaja cara. Dia mengumpulkan beberapa hadiah dan berangkat ke Israel untuk pergi mencari nabi itu. Setelah perjalanan yang jauh, Naaman tiba di hadapan rumah Elisa. Tetapi Elisa tidak keluar pun untuk bertemu dengannya. Sebaliknya, Elisa menghantar pesanan, dengan menyuruh Naaman mandi di Sungai Yordan sebanyak tujuh kali.

Naaman terkejut. “Penyembuhan jenis apakah ini?” dia merungut. “Sangkaku dia akan keluar, menggerak-gerakkan

tangannya di bahagian tubuhku, dan aku akan sembuh. Sungai-sungai di tempatku lebih baik daripada Sungai Yordan!”

Naaman marah dan bersedia untuk pergi. Tetapi para pegawainya berbicara kepadanya dengan lembut. “Tuan, sekiranya nabi itu menyuruh Bapa melakukan hal yang sukar, bukankah Tuan akan melakukannya? Mengapa tidak cuba sahaja perkara yang mudah ini?”

Naaman berfikir mengenainya dan memutuskan untuk menurut. Dia pun turun ke Sungai Yordan dan membenamkan diri satu kali, dua kali, tiga kali . . . tujuh kali. Apabila dia keluar dari air, sesuatu yang menakjubkan berlaku: kulitnya menjadi bersih! Luka-luka itu telah hilang dan kulitnya menjadi lembut dan licin seperti kulit kanak-kanak kecil.

Naaman sangat gembira. Dia tahu bahawa bukan air itu yang telah menyembuhkannya—tetapi Tuhan. Dia kembali kepada Elisa dan berkata, “Sesungguhnya, aku tahu sekarang bahawa tidak ada Allah di seluruh bumi ini kecuali di Israel.” Sejak dari hari itu, Naaman berjanji untuk hanya menyembah Tuhan.

Pelayan kecil itu sangat gembira mendengar bahawa Naaman telah sembuh. Walaupun dia hanya seorang gadis kecil, yang berada jauh dari rumahnya, Tuhan menggunakan dia untuk mengubah hidup Naaman selama-lamanya.

Seperti pelayan kecil itu, anda mungkin tidak selalu tahu mengapa sesuatu perkara itu terjadi atau memahami kesukaran-kesukaran yang anda hadapi, tetapi Tuhan boleh menggunakan pengalaman anda untuk membantu orang lain!

SESUATU UNTUK DIFIKIRKAN

Pernakah anda berasa bahawa anda masih terlalu kecil atau muda untuk berkongsi kepada orang lain? Pada pendapat anda, mengapakah pelayan kecil itu tidak berputus asa, walaupun dia berada jauh dari rumahnya dan berada dalam situasi yang sukar?



SAKSI DI DALAM GUA SINGA

Hidup berani untuk Tuhan.

Ayat Dasar: Daniel 6:1-23, AVB.

Daniel adalah seorang hamba Tuhan yang setia, tinggal di tanah asing di bawah pemerintahan Raja Darius. Walaupun Daniel berada jauh dari rumahnya, dia kekal dekat kepada Tuhan. Dia berdoa tiga kali sehari, mengucapkan syukur dan memuji Tuhan atas kebaikan-Nya. Kesetiaan Daniel mendapat penghormatan yang besar dan raja melantik dia menjadi salah satu pegawai tetinggi dalam kerajaannya. Tetapi tidak semua orang gembira dengan perkara ini.

Pegawai dan penasihat yang lain berasa cemburu dengan Daniel. Mereka mahu mencari cara untuk menyingkirkan dia, tetapi Daniel seorang yang jujur dan boleh dipercayai dan mereka tidak dapat mencari sebarang kesalahan dalam dirinya. Akhirnya, mereka menyedari bahawa satu-satunya cara untuk memerangkap Daniel adalah melalui imannya. Mereka membuat rancangan dan pergi kepada raja untuk memberikan cadangan. “Oh Raja Darius, kami fikir Tuanku Raja harus membuat titah larangan yang mengatakan siapa pun yang memohonkan sesuatu dalam tiga puluh hari ini kepada tuhan atau manusia mana pun selain Tuanku Raja, hendaklah dia dihumban ke dalam gua singa.”

Raja itu, tanpa menyedari niat sebenar mereka, bersetuju dan menandatangani titah larangan itu. Berdasarkan undang-undang, titah larangan itu tidak boleh diubah setelah ia ditandatangani. Para pegawai yang cemburu itu gembira kerana mereka tahu tidak kira apa pun, Daniel akan terus berdoa kepada Tuhan. Apabila Daniel mendengar tentang titah larangan yang baru itu, dia tidak panik atau bersembunyi. Malah, dia pergi ke kamarnya, membuka tingkap yang menghadap Yerusalem dan berlutut untuk berdoa, sama seperti yang selalu dia lakukan. Dia bersyukur kepada Tuhan dan memohon pertolongan-Nya. Para pegawai sedang melihat dan dengan segera melaporkan perkara itu kepada raja.

Raja Darius sedih apabila dia mendengar berita itu. Dia menghormati Daniel dan tidak mahu menghukumnya, tetapi titah perintah tidak boleh dibatalkan lagi. Dengan berat hati, raja memberikan perintah supaya Daniel dihumban ke dalam gua singa. “Semoga Tuhan kamu yang selalu kamu sembah kelak melepaskan engkau!” kata raja ketika Daniel diturunkan ke dalam gua singa.

Pada malam itu, Raja Darius tidak dapat makan dan tidur. Dia risau akan Daniel dan berharap Tuhannya akan menyelamatkannya. Sementara itu, di dalam gua singa, sesuatu yang ajaib terjadi. Tuhan mengutus malaikat-Nya untuk menutup mulut

semua singa. Singa-singa yang lapar itu sama sekali tidak menyentuh Daniel! Dia menghabiskan malamnya dengan selamat dan tanpa luka.

Pada cahaya fajar pertama, raja dengan segera pergi ke gua singa. “Daniel, hamba kepada Allah yang hidup,” dia berseru, “apakah Allahmu yang selalu kau sembah itu sanggup melepaskan engkau daripada singa-singa itu?”

Suara Daniel menjawab kembali, dengan kuat dan jelas. “Semoga Raja hidup selama-lamanya! Allah yang hamba sembah telah mengutus malaikat-Nya untuk mengatupkan mulut singa-singa ini sehingga tidak dapat menghancurkan hamba, kerana hamba didapati tidak bersalah di hadapan-Nya. Di hadapan Tuanku Raja juga hamba tidak melakukan kejahatan.”

Raja sangat gembira dan memerintahkan supaya Daniel dibawa keluar dari gua. Tiada satu calar pun pada tubuhnya, kerana dia telah percaya dan berserah kepada Tuhan. Raja Darius kemudiannya memberikan titah yang baru, yang mengisytiharkan bahawa semua orang dalam kerajaannya harus menghormati Tuhan Daniel, kerana Dia adalah Tuhan yang benar dan hidup yang melindungi dan menyelamatkan. Iman Daniel yang tidak berbelah bagi menjadi kesaksian kepada raja yang dia layani.

SESUATU UNTUK DIFIKIRKAN

Pada pendapat anda, bagaimanakah perasaan Daniel apabila dia dihumban ke dalam gua singa? Apakah yang memberikan dia keberanian untuk mempercayai Tuhan?

MENGASIHI ORANG LAIN SEPERTI YANG DILAKUKAN YESUS

Yesus menyembuhkan seorang yang sakit kusta.

Ayat Dasar: Markus 1:40-45, AVB.

Pada suatu hari, sementara Yesus berjalan dari kota ke kota untuk mengajar dan menyembuhkan, seorang lelaki yang sakit kusta datang kepada-Nya. Kusta adalah penyakit serius yang menyebabkan luka yang menyakitkan pada kulit dan membuatkan orang lain menjauhi mereka yang menghidapinya. Pada zaman Yesus, mereka yang menghidap penyakit kusta sering kali dihantar jauh dari keluarga dan sahabat mereka kerana semua orang takut dijangkiti dengan penyakit itu. Mereka kesunyian dan dilayan seperti orang buangan.

Lelaki itu, yang sangat memerlukan pertolongan, berlutut di hadapan Yesus dan merayu, “Jika Engkau mahu, Engkau dapat mentahirkanku.” Suaranya bergetar dengan harapan dan ketakutan. Dia telah mendengar tentang Yesus—bagaimana Dia menunjukkan mukjizat dan menolong mereka yang memerlukan. Ini mungkin satu-satunya peluang untuk dia disembuhkan.

Yesus memandang lelaki itu dengan belas kasihan. Dia melihat bukan sahaja penyakit itu, tetapi juga kesunyian dan kesakitan yang dipikul lelaki itu di dalam hatinya. Sementara orang lain menghindari seseorang yang menghidap penyakit kusta, Yesus melakukan sesuatu yang tidak dijangka. Dia menghulurkan tangan-Nya dan menyentuh lelaki itu. “Aku mahu,” Yesus berkata dengan lembut. “Tahirlah!”

Kulit lelaki itu dengan serta-merta menjadi licin dan sihat. Luka-lukanya hilang dan dia telah sembuh sepenuhnya. Bayangkan kegembiraannya ketika dia melihat tangannya dan menyadari dia tidak lagi sakit! Hati lelaki itu dipenuhi dengan rasa syukur dan takjub.

Menyentuh seseorang yang menghidap penyakit kusta adalah sesuatu yang tidak pernah didengar pada waktu itu. Ia bukan sahaja bahaya kerana penyakit itu sendiri; tetapi ia juga melanggar peraturan pada zaman itu. Tetapi Yesus tidak membiarkan ketakutan dan peraturan itu menghentikan Dia untuk menunjukkan kasih. Dengan menyentuh lelaki itu, Yesus bukan sahaja menyembuhkan tubuhnya tetapi juga mengingatkan dia bahawa dia berharga dan dikasihi.

Setelah menyembuhkan lelaki itu, Yesus memberikan dia satu arahan yang spesifik. “Jangan beritahu sesiapa pun hal ini,” kata-Nya. “Sebaliknya Pergilah dan tunjukkan dirimu kepada imam serta persembahkan korban seperti yang diperintahkan oleh Musa, sebagai kesaksian kepada mereka bahawa kamu sudah ditahirkan.” Ini adalah langkah yang sangat penting kerana pada zaman itu, seorang imam harus perlu mengesahkan seseorang itu telah sembuh sebelum mereka boleh menyertai semula komuniti mereka.

Tetapi lelaki itu begitu gembira sehingga dia tidak dapat meny-

impan berita itu untuk dirinya sendiri. Dia memberitahu semua orang yang dia temui tentang apa yang telah Yesus lakukan kepada dirinya. Tidak lama kemudian, semua orang datang mencari Yesus, berharap untuk melihat mukjizat dan mendengar ajaran-Nya.

Cerita ini mengajar kita satu pelajaran yang berkuasa tentang kasih dan kebaikan. Yesus bukan hanya menyembuhkan penyakit lelaki itu; tetapi Dia juga memperlakukan dia dengan hormat dan belas kasihan apabila orang lain tidak mahu melakukannya. Dengan cara yang sama, kita boleh mengasihi orang lain seperti yang dilakukan Yesus. Kadang-kadang orang di sekeliling kita mungkin berasa kesunyian, dipinggirkan atau berbeza. Mereka mungkin duduk bersendirian ketika makan tengah hari atau tidak ada sesiapa yang bermain dengan mereka pada waktu rehat. Apa yang boleh anda lakukan untuk menunjukkan kasih kepada mereka? Anda boleh menjemput mereka untuk turut serta dalam permainan anda, berkongsi kata-kata yang baik atau paling mudah berikan senyuman dan katakan helo. Tindakan yang kecil boleh membuat perbezaan yang besar. Sama seperti sentuhan Yesus yang membawa kesembuhan dan harapan, kebaikan anda boleh membantu orang lain berasa dihargai dan dikasihi. Ingat, mengasihi orang lain seperti cara Yesus bermaksud memperlakukan semua orang dengan belas kasihan dan perhatian, tanpa mengira siapa mereka.

SESUATU UNTUK DIFIKIRKAN

Pada pendapat anda, mengapakah lelaki itu tidak dapat merahsiakan kesembuhannya? Bagaimana perasaan anda apabila anda mempunyai berita yang mengujakan atau baik untuk dikongsikan?

SAKSI-SAKSI YANG TIDAK DAPAT BERDIAM DIRI!

Petrus dan Yohanes berkongsi tentang Yesus.

Ayat Dasar: Kisah Para Rasul 4:1-20, AVB.

Setelah Yesus bangkit dari kematian, Petrus dan Yohanes dipenuhi dengan sukacita dan keinginan yang membara untuk memberitakan kepada semua orang khabar baik itu. Mereka pergi dari satu kota ke kota yang lain, dengan berani mengatakan bahawa Yesus masih hidup dan menawarkan pengampunan dan pengharapan kepada mereka yang percaya kepada-Nya. Ramai orang mendengar dan memutuskan untuk mengikuti Yesus disebabkan oleh mesej mereka.

Suatu hari, Petrus dan Yohanes menyembuhkan seorang lelaki yang tidak dapat berjalan sejak lahir. Lelaki itu sangat gembira dan mula berjalan, melompat dan memuji Tuhan. Penyembuhan yang sangat ajaib ini menarik ramai orang. Petrus menggunakan peluang ini untuk menerangkan bahawa kuasa yang menyembuhkan lelaki itu bukanlah kuasa mereka sendiri, melainkan kuasa Yesus Kristus, yang telah bangkit dari kematian.

Walaupun bagaimanapun, para pemimpin agama tidak gembira dengan apa yang dilakukan oleh Petrus dan Yohanes. Mereka berasa marah kerana orang-orang mula percaya kepada Yesus dan mereka merasakan kuasa mereka dicabar. Pemimpin-pemimpin ini menangkap Petrus dan Yohanes dan membawa mereka di hadapan majlis tertinggi yang disebut Majlis Agama. Ahli majlis bertanya kepada mereka dengan tegas, “Dengan kuasa apa dan dengan nama siapakah kamu telah melakukan perkara itu?”

Petrus yang dipenuhi Roh Kudus menjawab dengan berani, “Dengan nama Yesus Kristus dari Nazaret, yang telah kamu salib dan telah dibangkitkan Allah daripada kematian, dengan nama Dialah orang ini berdiri di sini di hadapanmu dalam keadaan sihat sempurna. Inilah ‘batu yang kamu buang sebagai pembina, kini telah menjadi batu penjuru.’ Tiadalah penyelamatan melalui sesiapa yang lain, kerana tiada nama lain di bawah langit ini diberikan dalam kalangan manusia, yang dapat menyelamatkan kita.”

Para pemimpin kagum dengan keberanian Petrus dan Yohanes. Mereka tahu bahawa kedua-dua mereka ini adalah nelayan biasa dan tidak berpendidikan, tetapi mereka berbicara dengan keyakinan dan kebijaksanaan yang tinggi. Para pemimpin sedar bahawa Petrus dan Yohanes telah bersama dengan Yesus. Walaupun mereka mahu menghukum Petrus dan Yohanes, mereka tidak dapat menyangkal mukjizat itu, kerana lelaki yang telah sembuh itu berdiri bersama mereka. Maka, mereka memberikan amaran kepada Petrus dan Yohanes untuk berhenti berbicara atau mengajar dengan nama

Yesus.

Tetapi Petrus dan Yohanes menjawab dengan tegas, “Wajarkah pada pandangan Allah jika kami mendengar katamu lebih daripada mendengar kata Allah? Timbangkanlah, kerana kami mesti bercakap tentang segala yang telah kami lihat dan dengar itu.”

Para pemimpin yang kecewa tetapi tidak dapat mencari sebab untuk terus memenjarakan mereka, melepaskan mereka pergi. Petrus dan Yohanes dengan segera pergi mendapatkan sahabat-sahabat mereka dan menceritakan semua yang telah berlaku. Mereka berdoa bersama-sama memohon lebih banyak keberanian untuk terus berbicara tentang Yesus dengan berani.

Walaupun menghadapi bahaya, Petrus dan Yohanes terus memberitakan khabar baik itu. Mereka tahu bahawa memberitahu orang lain tentang Yesus jauh lebih penting daripada keselamatan mereka sendiri. Keberanian dan iman mereka telah memberikan inspirasi kepada ramai orang untuk percaya kepada Yesus.

Anda boleh menjadi berani seperti Petrus dan Yohanes apabila anda berbicara tentang Yesus. Kadang-kadang ia mungkin menakutkan, tetapi ingat bahawa Tuhan berserta anda, sama seperti Dia berserta dengan Petrus dan Yohanes. Anda boleh menjemput sahabat ke gereja, berkongsi cerita tentang Yesus atau dengan hanya menjelaskan mengapa anda mengasihi Dia. Tindakan berani yang kecil juga boleh membuat perbezaan yang besar di dalam kehidupan seseorang. Percayalah bahawa Tuhan akan memberikan anda kata-kata dan keberanian yang anda perlukan!

SESUATU UNTUK DIFIKIRKAN

Pada pendapat anda, apakah maksudnya mendengar kepada Tuhan dan bukannya manusia apabila membuat keputusan yang sukar?



SAKSI DI PERIGI YAKUB



Kisah perempuan Samaria

Ayat Dasar: Yohanes 4:1-42, AVB.

Pada suatu hari, Yesus sedang berjalan melintasi Samaria dalam perjalanan-Nya untuk pergi ke Galilea. Disebabkan penat dari perjalanan itu, Dia berhenti di sebuah perigi yang dipanggil Perigi Yakub sekitar tengah hari, ketika matahari sedang tinggi dan panas. Sementara Dia berehat di sana, seorang perempuan datang untuk menimba air. Yesus bertanya kepadanya, “Bolehkah anda memberikan Aku minum?”

Perempuan itu terkejut. Pada zaman itu, orang Yahudi dan orang Samaria tidak bergaul dan seorang lelaki tidak selalunya bercakap dengan perempuan yang mereka tidak kenal. Dia berkata, “Tuan seorang Yahudi dan saya orang Samaria. Bagaimana Tuan meminta minum daripadaku?” Yesus menjawab, “Kalaupun kamu mengetahui pemberian Allah, dan siapakah Dia yang berkata kepadamu, ‘Berilah Aku minum,’ tentulah kamu pula akan meminta daripada-Nya dan Dia akan mengurniaimu air hidup.”

Perempuan itu menjadi bingung. “Tuan tidak ada timba. Perigi ini sangat dalam. Bagaimana mungkin Tuan mendapatkan air hidup itu? Adakah Tuan lebih besar daripada moyang kami, Yakub, yang mewariskan perigi ini kepada kami?”

Yesus menerangkan, “Sesiapa yang minum air dari perigi ini akan dahaga semula; tetapi sesiapa minum air yang Kuberikan kepadanya nanti tidak akan dahaga lagi selama-lamanya. Air yang akan Kuberikan itu akan menjadi mata air dalam dirinya dan memberin-



ya hidup yang kekal.”

“Tuan,” kata perempuan itu, “berikanlah air itu kepadaku, supaya aku tidak dahaga lagi dan tidak perlu lagi datang ke perigi ini mengambil air.”

Yesus mengatakan kepadanya sesuatu yang luar biasa. Dia berkata, “Pergilah dahulu, bawa suamimu ke mari.”

Perempuan itu menjawab, “Aku tidak ada suami.”

Yesus pun berkata, “Memang benar engkau tidak ada suami sekarang. Kamu telah berkahwin lima kali. Lelaki yang tinggal denganmu sekarang bukan suamimu. Benarlah katamu itu.”

Perempuan itu berasa kagum. “Tahulah aku sekarang, Tuan ini seorang nabi. Nenek moyang kami menyembah Allah di gunung ini, tetapi bangsa Tuan berkata tempat orang menyembah Allah hanya di Yerusalem.”

Yesus berkata, “Akan sampai saatnya kamu menyembah Bapa bukan lagi di gunung ini atau di Yerusalem. Penyembah sejati akan menyembah Bapa dalam roh dan kebenaran; kerana Bapa menghendaki penyembah yang sedemikian.”

Perempuan itu berkata, “Aku tahu Mesias yang disebut Kristus akan datang. Apabila Dia datang, Dia akan memberitahu kami segala-galanya.”

Kemudian Yesus berkata kepada perempuan itu, “Akulah Dia yang sekarang bercakap denganmu.”

Perempuan itu sangat teruja sehingga dia meninggalkan bekas airnya di situ dan berlari kembali ke kotanya. Dia memberitahu semua orang, “Marilah lihat seorang yang menyebutkan kepadaku segala yang telah kulakukan. Mungkinkah orang itu Mesias?”

Keterujaannya menular dan ramai orang dari kota datang bertemu dengan Yesus. Mereka mendengar Dia dan percaya kepada-Nya kerana kesaksian perempuan itu. Malah, mereka menjemput Yesus untuk tinggal bersama dengan mereka dan Yesus tinggal di sana selama dua hari, mengajar dan mengongsikan khabar baik.

Disebabkan perkataan Yesus dan cerita perempuan itu, lebih ramai orang menjadi percaya. Mereka berkata kepada perempuan itu, “Sekarang kami percaya bukanlah kerana kata-katamu tetapi kerana kami telah mendengar kata-kata-Nya sendiri dan kami tahu Dialah Kristus, Penyelamat dunia.”

Mengongsikan apa yang Yesus telah lakukan dalam hidup anda boleh membantu orang lain percaya kepada-Nya. Walaupun anda fikir cerita anda adalah sederhana, ia boleh membuat perbezaan yang besar. Anda boleh bercakap tentang perkara seperti “Yesus menolong saya apabila saya berasa takut” atau “Yesus menjawab doa saya.” Sama seperti cerita perempuan Samaria, cerita anda boleh membantu orang lain melihat betapa ajaibnya Yesus itu dan membawa mereka untuk percaya kepada-Nya.

SESUATU UNTUK DIFIKIRKAN

Bagaimanakah respons anda kepada Yesus di perigi jika anda menjadi perempuan Samaria itu?

Beth Thomas adalah penolong editor *Adventist Review* dan editor kandungan untuk *KidsView*.



Ditubuhkan pada tahun 1849. Diterbitkan oleh General Conference of Seventh-day Adventists, Northern Asia-Pacific Division.

LEMBAGA PENERBITAN Ted N. C. Wilson, pengerusi; Guillermo Biaggi, timbalan pengerusi; Justin Kim, setiausaha; Audrey Andersson, G. Alexander Bryant, Zeno Charles-Marcel, Williams Costa, Paul H. Douglas, Mark A. Finley, James Howard, Erton Köhler, Geoffrey Mbwana, Magdiel Perez Schultz, Artur Stele, Ray Wahlen, Karnik Doukmetzian, penasihat undang-undang.

LEMBAGA PENGURUSAN YANG BERPUSAT DI SEOUL, KOREA Yo Han Kim, pengerusi; Justin Kim, setiausaha; Karnik Doukmetzian; SeongJun Byun; Hiroshi Yamaji; Tae Seung Kim; Ray Wahlen; Bekas ahli jawatan: Paul H. Douglas; Erton Köhler; Ted N. C. Wilson.

EDITOR Justin Kim

EDITOR BERSEKUTU Sikhululekile Daco, John Peckham

PENGARAH BERSEKUTU Greg Scott

PENGARAH KOMUNIKASI/ EDITOR BERITA Enno Müller

PEMBANTU EDITOR Beth Thomas, Jonathan Walter

PARA EDITOR YANG BERPUSAT DI SEOUL, KOREA Jae Man Park, Hyo-Jun Kim, SeongJun Byun

PENGURUS KEWANGAN Kimberly Brown

PENGARAH INTEGRASI SISTEM DAN INOVASI Daniel Bruneau

PENASIHAT SENI REKA DAN REKA BENTUK Brett Meliti, Ellen Musselman, Ivan Ruiz-Knott/Types & Symbols

JURUTEKNIK SUSUN ATUR Fred Wuerstlin

EDITOR SALINAN James Cavil

PENGURUS OPERASI Merle Poirier

PENYELARAS PENILAIAN EDITORIAL Marvene Thorpe-Baptiste

PENASIHAT SENIOR E. Edward Zinke

IKLAN JUALAN Glen Gohlke

PENGEDARAN Sharon Tennyson

WEBSITE: www.adventistreview.org

KEPADA PENULIS: Garis panduan penulis boleh didapati di www.adventistreview.org di bahagian bawah. Untuk urusan surat-menyurat yang seterusnya, hantarkan emel ke manuscripts@adventistreview.org

Kecuali dinyatakan sebaliknya, teks Alkitab untuk isu ini adalah daripada New King James Version. Hak cipta © 1979, 1980, 1982 oleh Thomas Nelson, Inc. Hak cipta terpelihara. Teks Alkitab yang dikreditkan kepada NIV adalah daripada *Holy Bible, New International Version*. Hak cipta © 1973, 1978, 1984, 2011 oleh Biblica, Inc. Teks Alkitab yang dikreditkan kepada NRSV adalah daripada New Revised Standard Version of the Bible, hak cipta © 1989 daripada Divisi Pendidikan Kristian Pertubuhan Majlis Kebangsaan Gereja-gereja Kristus (Division of Christian Education of the National Council of the Churches of Christ) di Amerika Syarikat. Digunakan dengan kebenaran. Semua hak terpelihara di seluruh dunia. Kutipan ayat Alkitab yang bertanda ESV adalah daripada *The Holy Bible, English Standard Version® (ESV®)* © 2001 oleh Crossway, sebuah jabatan penerbitan Good News Publishers. Hak cipta terpelihara. Edisi teks ESV: 2016. Kutipan ayat Alkitab yang bertanda NASB adalah daripada *New American Standard Bible*, hak cipta © 1960, 1971, 1977, 1995, 2020 oleh The Lockman Foundation. Hak cipta terpelihara.

Adventist Review (ISSN 0161-1119) ialah berita umum gereja Seventh-day Adventist®, la dicetak secara serentak di seluruh dunia di Argentina, Australia, Austria, Brazil, Jerman, Indonesia, Korea, Afrika Selatan dan Amerika Syarikat. Ia diterbitkan setiap bulan oleh General Conference of Seventh-day Adventists®, 12501 Old Columbia Pike, Silver Spring, MD 20904, U.S.A. Pejabat Editorial dan pengurusan Korea adalah terletak di Northern Asia-Pacific Division, 67-20 Beontwigi-gil, Paju-si, Gyeonggi-do 10909, Republic of Korea. Hak Cipta © 2025, General Conference of Seventh-day Adventists®.

Vol. 202, No. 17

 **Seventh-day
Adventist Church**